


Terjunan perak



CHEONG JUN HOONG (kanan) dan Pandeleta Rinong mempersembahkan aksi menarik ketika bersaing semalam.



PANDELELA RINONG PAMG (dua dari kiri) dan Cheong Jun Hoong melambai kepada penonton semasa majlis penyampaian pingat acara 10m platform berirama Sukan Olimpik Rio 2016 di Pusat Akuatik Maria Lenk, Rio de Janeiro, Brazil semalam. - UTUSAN

RIO DE JANEIRO 10 OGOS

KEM sukan terjun negara memperbaiki pencapaian mereka dalam sejarah Olimpik apabila memenangi pingat perak menerusi acara 10 meter platform seirama yang juga pingat pertama kontinen Malaysia dalam Sukan Olimpik Rio 2016, petang semalam (waktu tempatan).



Pingat yang dinantikan itu disumbangkan oleh pasangan Pandeleta Rinong dan Cheong Jun Hoong yang mempersembahkan aksi membanggakan dalam lima terjunan untuk mengumpul 344.34 mata dalam acara yang berlangsung di Pusat Akuatik Maria Lenk, Barra di sini.

Pingat perak itu diperoleh genap empat tahun selepas Pandeleta memenangi pingat gangsa acara 10m platform individu dalam Sukan Olimpik London 2012, yang merupakan satu-satunya pingat diperoleh Malaysia menerusi acara aquatik sebelum ini.

Lebih menarik, Pandeleta dan Jun Hoong baru sahaja digandingkan dengan Olimpik Rio menjadi pentas penampilan ketiga mereka sebagai pasangan.

Keserasian mereka terserlah apabila mempersembahkan aksi konsisten dalam kelima-lima

terjunan, malah mengutip mata tertinggi dalam terjunan keempat iaitu 79.68 mata, mengatasi pemenang pingat emas dari China, Chen Roulin dan Liu Huixia.

Kemenangan itu melayakkkan mereka menerima ganjaran Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) RM300,000 yang dibahagi dua serta imbuhan penceN RM3,000 sebulan setiap seorang.

Mengulas kemenangan itu Pandeleta, yang bakal memburu satu lagi pingat iaitu dalam disiplin 10m platform individu bermula 17 Ogos ini, berkata antara rahsia kejayaan mereka ialah fokus yang tinggi sehingga sesi latihan dianggap seperti pertandingan sebenar.

"Apabila menyertai pertandingan sebenar, kami tidak tertekan dan gementar malah perasaannya sama seperti sesi latihan pula."

"Secara peribadi saya amat gembira kerana berjaya meraih pingat Olimpik kedua selepas London 2012 dan kali ini warnanya lebih baik," katanya selepas majlis penyampaian

pingat yang disempurnakan oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Roulin-Huixa ternyata unggul apabila mengumpul 354.00 mata untuk menang emas manakala gangsa milik duo Kanada, Meaghan Benfeito-Roseline Filion (336.18 mata).

Dalam pada itu, Pandeleta berkata, dia dan Jun Hoong langsung tidak melihat papan markah ketika turun ke kedudukan ketiga selepas terjunan ketiga.

Dia yang tidak kisah dengan kedudukan yang dirampas pasangan Korea Utara, Kim Kuk Hyang dan Kim Mi Rae sebaliknya berkata: "Kami memberikan tumpuan kepada terjunan dan apa yang perlu dibuat."

"Walaupun markah dipaparkan di seberang platform, kami tidak melihat kedudukan kami," katanya.

Sementara itu, Jun Hoong membuktikan kekuatan mentalnya dengan bangkit semula walaupun sehari sebelum itu dia melakukan kesilapan ketika berpasangan dengan Nur Dhabitah Sabri sehingga terlepas

HABUAN PINGAT PERAK
INSENTIF (SHAKAM)
RM300,000
(RM150,000 setiap seorang)
PENCEN RM3,000
sebulan
(setiap seorang)

Secara peribadi saya amat gembira kerana berjaya meraih pingat Olimpik kedua selepas London 2012 dan kali ini warnanya lebih baik."

PANDELELA RINONG
Penerjun negara

untuk memenangi sekurang-kurangnya pingat gangsa dalam acara 3m papan anjal dan berakhir dengan berkedudukan kelima dari tempat ketiga.

Katanya, walaupun kecewa dengan kegagalan itu, dia segera bangkit dengan azam baharu untuk memberikan aksi terbaik bersama Pandeleta.

"Kejayaan ini adalah hasil dorongan dan sokongan daripada keluarga, jurulatih dan rakan sepasukan, terima kasih buat mereka semua," katanya. - UTUSAN

PROFIL

PANDELELA RINONG

UMUR: 23 tahun
TARIKH LAHIR: 2 Mac 1993
TINGGI: 1.59 meter
BERAT: 55 kilogram
ACARA: 10m platform individu, 10m platform seirama

PENCAPAIAN:

- » Pingat gangsa Sukan Olimpik London 2012 (10m platform individu)
- » Pingat gangsa Kejohanan Dunia Kazan 2015 (10m platform individu)
- » Pingat gangsa Kejohanan Dunia Barcelona 2013 (10m platform seirama)
- » Pingat gangsa Kejohanan Dunia Rom 2009 (10m platform seirama)
- » Pingat gangsa Sukan Asia Guangzhou 2010 (10m platform individu)
- » Pingat perak Sukan Asia Guangzhou 2010 (10m platform seirama)
- » Pingat emas Sukan Komanwel Singapura 2015 (10m platform individu)
- » Pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 (10m platform seirama)

CHEONG JUN HOONG

UMUR: 26 tahun
TARIKH LAHIR: 16 April 1990
TINGGI: 1.53m
BERAT: 46kg
ACARA: 3m papan anjal individu, 3m papan anjal seirama, 10m platform seirama

PENCAPAIAN:

- » Pingat gangsa Sukan Asia 2010 (1m papan anjal individu)
- » Pingat perak Piala Dunia Shanghai 2014 (10m platform seirama)
- » Pingat perak Sukan Asia Incheon 2014 (3m papan anjal seirama)
- » Pingat gangsa Sukan Asia Incheon 2014 (3m papar anjal individu)
- » Pingat perak Grand Prix Dunia Gold Coast 2015 (10m platform seirama)
- » Pingat gangsa Grand Prix Dunia Gold Coast 2015 (10m platform individu)
- » Pingat emas Grand Prix Dunia Kuala Lumpur 2015 (10m platform seirama campuran)
- » Pingat perak Piala Asia 2015 (3m papan anjal seirama)
- *Pingat perak Piala Dunia Rio 2016 (10m platform seirama)
- » Pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 (10m platform seirama)